

Nama Suratkhobar : Berita Harian (Seksyen Nasional)

Tarikh: 26 Januari 2016 (Selasa)

Mukasurat: 6

## 6 NASIONAL

## Tuduhan raja daripada lanun tidak benar:

### Kay Kim

BH (Selasa)  
26/1/16, ms 6  
- Nasional

**Ipoh:** Tuduhan sesetengah pihak bahawa sultan atau raja terutama pada zaman lampau terdiri daripada lanun adalah tidak benar, kata Tokoh Sejarawan, Profesor Emiritius Tan Sri Dr Khoo Kay Kim.

Beliau berkata, undang-undang British pada abad ke-19 menetapkan maksud *piracy* atau pelanunan ialah tindakan yang dilakukan di perairan lebih tiga batu nautika dari pantai iaitu di 'kawasan tiada bertuan'.

"Kawasan laut berhampiran sesebuah kerajaan adalah hak raja, maka raja boleh menyerang sebarang kapal yang lalu jika pihak berkenaan gagal membayar tol. Itu tidak boleh dianggap sebagai pelanunan," katanya ketika membentangkan kertas kerja bertajuk 'Sorotan Kesultanan Melayu Memayungi Agama, Negara dan Rakyat'.

#### Raja pedagang utama

Kay Kim berkata, satu perkara yang sangat penting ialah 'tanah adalah milik raja' dan hakikatnya raja juga adalah pedagang utama di kesultanan atau kerajaan baginda sendiri.

“Hal ini menyebabkan Malaysia sekarang ada sembilan kesultanan yang wujud sejak 1895, sedangkan di seluruh dunia ketika ini sukar untuk mencari sebuah negara yang mempunyai lebih daripada satu raja”

**Khoo Kay Kim,**  
Tokoh Sejarawan

Bagaimanapun, katanya, baginda tidak terbabit secara langsung, sebaliknya ada orang perseorangan, termasuk bukan Melayu seperti daripada kaum India dan Cina, dilantik sebagai 'Saudagar Raja'.

#### British tidak menjajah

Beliau berkata, ramai masih tidak faham bahawa secara *de jure* atau menurut undang-undang, British tidak menjajah kerajaan yang ada di Semenanjung Tanah Melayu, sama seperti pandangan beberapa tokoh sejarah sebelum ini.

"Ia tidak sama seperti di India dan Burma yang ketika ini dikenali sebagai Myanmar apabila British menjajah kedua-dua negara itu dan secara beransur-ansur sistem beraja di negara berkenaan dimansuhkan.

"Di Semenanjung Tanah Melayu, pihak British berusaha bukan hanya untuk mengekalkan sistem kesultanan dan kerajaan sedia ada, malah mereka mencari ikhtiar untuk menyesuaikan sistem tradisional itu dengan amalan baharu.

"Hal ini menyebabkan Malaysia sekarang ada sembilan kesultanan yang wujud sejak 1895, sedangkan di seluruh dunia ketika ini sukar untuk mencari sebuah negara yang mempunyai lebih daripada satu raja," katanya.